

SINOPSIS

Kajian ini adalah mengenai satu aspek kebudayaan kebendaan di Sabah iaitu sigah. Kajian ini dilakukan mengikut pendekatan urutan masa iaitu latarbelakang sigah di Sabah, proses pembuatannya, nilai-nilai yang terkandung dalam sigah itu sendiri dan penggunaannya dan akhir sekali fungsi sigah dalam masyarakat.

Bab pertama kajian ini akan membincangkan pengenalan kajian ini dari segi definisi kebudayaan kebendaan dan latarbelakang kajian kebudayaan kebendaan di Sabah. Bahagian ini juga akan membincangkan masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian.

Peralatan untuk teknologi membuat sigah dibincangkan dalam bab kedua. Antara topik yang akan disentuh ialah latarbelakang seni tenun di Sabah dan permintalan benang tradisional. Sumber pewarna tradisional dan proses mewarna juga akan dibincangkan secara terperinci. Proses menenun dan menyulam merupakan proses yang menjadi tema penting bahagian ini.

Bab ketiga, akan membincangkan corak dan motif dalam sigah tenunan dan sulaman. Latarbelakang motif dan corak di Sabah akan dihuraikan. Pengkaji juga mencadangkan beberapa pendekatan analisis motif untuk kedua-dua jenis sigah tersebut.

Bab keempat pula akan membincangkan survival sigah dalam masyarakat moden hari ini. Tumpuan akan diberikan kepada cara-cara

memelihara kebudayaan kebendaan ini dalam masyarakat yang memontingkan nilai ekonomi.

Bab kelima akan membincangkan tentang hubungan sigah dan masyarakat. Penggunaan sigah sebagai maruah dan kehormatan dalam aspek kepercayaan, adat istiadat, kesyukuran dan pengikhtirafan menjadi isi perbincangan. Bab ini juga akan menyentuh mengenai isu sigah dalam Pilihanraya Umum 1990. Pengkaji cuba mengupas isu ini dari berbagai aspek seperti perpaduan, sikap setengah pemimpin tentang keinginan berkuasa dan penguatkuasaan undang-undang yang lemah bila melibatkan pihak pemerintah.

Bab enam akan merumuskan semua kandungan kajian ini dengan penegasan pentingnya kajian mengenai kebudayaan kebendaan dilakukan.

Paul Porodong
57880
Universiti Malaya
7 Januari 1992